



KERATAN AKHBAR

SURAT KHABAR	:	SINAR HARIAN		
TARIKH	:	6/11/2019	MUKA SURAT	: 35
JABATAN	:	JPS / BANJIR		
KLASIFIKASI	:	PERHATIAN		

Pelan khas hadapi banjir

Kerajaan Johor ada rancangan bantu calon SPM jika berlaku banjir

SHAFIQ TINO

KULAI

Kerajaan Johor mempunyai perancangan jika negeri itu dilanda banjir sepanjang berlangsungnya peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM).

Exco Pendidikan, Sumber Manusia, Sains dan Teknologi negeri, Aminolhuda Hassan berkata, perancangan itu melibatkan latihan persediaan kawalan banjir kepada petugas peperiksaan, selain mengenal pasti sekolah yang berpotensi dilanda banjir.



Aminolhuda (duduk lima dari kiri) bergambar bersama petugas peperiksaan ketika lawatannya ke SMK Kulai Besar semalam.

"Jabatan Pendidikan Negeri telah menubuhkan Jawatankuasa Gerakan Payung dengan setiap petugas dilatih untuk menghadapi sebarang kemungkinan.

"Sekiranya berlaku banjir, calon SPM akan dibawa berpindah ke sekolah paling hampir atau asrama berdekatan," katanya pada

sidang akhbar selepas melakukan lawatan sempena hari pertama SPM fasa kedua di Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Kulai Besar di sini semalam.

Aminolhuda berkata, pelaksanaan SPM pada tahun ini juga menyaksikan buat pertama kalinya diadakan dalam dua fasa.

Menurutnya, fasa pertama bermula pada 14 hingga 17 Oktober lalu.

"Fasa kedua melibatkan seramai 50,619 calon SPM 2019 di negeri ini yang mula menduduki peperiksaan di 360 pusat penempatan peperiksaan pada 5 hingga 28 November ini," katanya.